


Team work



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaitonmohamad@yahoo.com

4B 16/11/11 B4

PADA kali ini penulis suka berkongsi mengenai *team work* atau dalam bahasa yang paling mudah ialah kerja berpasukan. Semangat *team work* amat perlu diaplikasikan dalam sebarang pekerjaan terutamanya menjelang sambutan Tamu Gadang ke-13 nanti. Sambutan Tamu Gadang diadakan sempena meraikan kejayaan para graduan yang berjaya mendapat penganugerahan ijazah selepas berhempas pulas dalam pengajian selama tiga hingga empat tahun. Jadi sudah tentunya sambutan Tamu Gadang juga perlu meriah dan sesuai dengan segenap lapisan pengunjungnya. Justeru itu dalam memastikan pelaksanaannya berjalan lancar sudah tentu melibatkan para ahli jawatankuasa pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, keturunan dan bangsa; maka sudah tentu amat sukar untuk melaksanakan pelbagai aktiviti sepanjang sambutan tersebut sekiranya tidak mempunyai semangat *team work*. Lantaran itu adalah lebih sesuai sekiranya semangat *team work* disemat dan ditanam dalam diri setiap orang. Ini disebabkan dalam melaksanakan sebarang aktiviti setiap manusia dalam sesebuah organisasi perlu mencari elemen-elemen yang boleh mendatangkan keuntungan kepada pelbagai pihak. Adalah tidak ekonomik sekiranya dalam sesebuah organisasi terdiri daripada sumber manusia yang tidak mempunyai semangat *team work* dan saling menundung jari dalam melaksanakan sebarang tugas yang diberikan. Justeru itu dalam sesebuah organisasi memerlukan seorang ketua yang boleh memimpin sebagai seorang ketua dan mungkin juga sebagai fasilitator.

Setiap orang punya cara gaya masing-masing ketika melaksanakan kerja. Bagaimanapun apabila kita bekerja berpasukan, kita akan menemui pelbagai kemahiran berbeza pada setiap individu. Mungkin ada yang kelihatan lembap, mungkin ada yang kelihatan agresif, mungkin juga ada yang tekun tidak mempedulikan orang lain. Pelbagai ragam ini kadangkala boleh jadi pelengkap kepada kejayaan pasukan anda. Mungkin anda boleh mengamalkan tip berikut untuk menjadikan kerja berpasukan lebih baik.

Lantaran itu apabila anda telah dilantik sebagai seorang yang telah diamanahkan sebagai seorang ketua perlu mempunyai semangat *team work* dan bersedia untuk menerima dan memberi arahan kepada ahli-ahlinya.

Ini disebabkan sebagai seorang manusia tidak mampu untuk hidup bersendirian, malah memerlukan sokongan dan bantuan daripada orang lain. Oleh itu manusia saling perlu lengkap melengkapi antara satu sama lain. Sesuai dengan kejadian manusia dari berbagai

bangsa, suku, berlainan bahasa, budaya dan sebagainya, maka manusia memerlukan manusia yang lain untuk saling bertukar-tukar fikiran dan maklumat untuk mencapai kecemerlangan dan kejayaan.

Di samping itu, kerja yang berat juga akan menjadi lebih mudah untuk dilaksanakan. Seperti kata pepatah, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing, hati gajah sama dilapah dan hati nyamuk sama dicicah. Kesan bertukar-tukar idea dan maklumat, menjadikan sesuatu kerja itu lebih baik dan berkualiti.

Sesuai dengan Firman Allah s.w.t.: "... dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebaikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan." (Al-Maidah: 2)

Justeru itu, menurut Ab Aziz (2003), kerja berpasukan adalah gabungan sebilangan individu yang mempunyai kompetensi yang saling bergantung sama ada dari segi keupayaan, kepakaran, kemahiran dan pengetahuan. Mereka masing-masing mempunyai akauntabiliti dan komitmen terhadap prestasi pasukan serta bersedia melaksanakan tugas yang mencabar. Lussier dan Achua (2001) mendefinisikan pasukan kerja sebagai satu pemahaman dan komitmen antara semua ahli dalam pasukan ke arah pencapaian matlamat pasukan itu sendiri. Kejayaan tidak akan diperolehi secara seorang diri. Organisasi yang sihat perlukan dorongan. Oleh yang demikian beberapa elemen amat penting dalam memacu kejayaan kepada sesuatu organisasi. Antara yang perlu dihapuskan ialah virus konflik iaitu ahli pasukan kerja haruslah sedar untuk mencapai sebuah matlamat memerlukan kepada semangat *team work*. Komitmen ahli-ahli adalah amat penting. Walaupun tidak bersepakat dalam semua perkara namun segala persaingan di kalangan ahli perlulah dilupakan supaya lebih fokus kepada usaha mencapai matlamat organisasi tercapai. Konflik perlu dilihat sebagai hasil sampingan yang mewujudkan pelbagai idea. Elakkan melihat konflik secara emosi.

Maka setiap ahli perlu menunjukkan sikap bertanggungjawab melakukan tugas dengan mahir. Jangan hampakan harapan rakan-rakan ahli. Maka sudah tentu semangat kerja berpasukan perlu digunakan dengan sebaiknya. Bukan apa kalau kita tersalah guna boleh merosakkan segala perancangan mahupun harta benda orang lain. Yang penting, bekerjalah untuk menjalankan amanah dariNya. Dengan cara tersebut sahaja akan dapat memastikan kejayaan sesebuah organisasi dicapai.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi,

Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS